

PENGGUNAAN PAP SMILE UNTUK MENGATASI MASALAH PERGIGIAN DALAM KALANGAN MURID- MURID PENDIDIKAN KHAS

Suhaili bt Samsudin^a, Mat Yusof bin Mat Jelani^b

SK SERI BIRAM PEKAN PAHANG DARUL MAKMUR

yusly2014@gmail.com yuslymat71@gmail.com

ABSTRAK: PAP SMILES adalah merupakan bahan bantu mengajar yang digunakan untuk meningkatkan pengetahuan murid- murid Pendidikan Khas mengenai amalan penjagaan gigi yang betul bagi mengatasi masalah pergigian dalam kalangan mereka. Objektif utama penggunaan PAP SMILE ini adalah bertujuan untuk mengurangkan masalah karies gigi di kalangan 13 orang murid pendidikan khas SBT Sekolah Kebangsaan Seri Biram dengan meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mereka mengenai amalan penjagaan gigi yang baik , meningkatkan minat dan penglibatan murid dalam Program SMILES dan meningkatkan keyakinan ahli Kelab Doktor Muda dalam menyampaikan maklumat berkaitan amalan penjagaan gigi.Kaedah yang digunakan ialah dengan menggunakan instrumen kajian seperti borang soal-selidik, pemerhatian dan temubual. Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan mengenai amalan pergigian responden telah meningkat daripada 41.3% kepada 95.1%, manakala 90.7% daripada responden bersetuju bahawa penggunaan PAP SMILE membantu mereka melibatkan diri secara aktif dalam Program SMILES dan 99% daripada ahli Kelab Doktor Muda bersetuju penggunaan PAP SMILES membantu meningkatkan keyakinan diri mereka untuk menyampaikan maklumat berkaitan amalan penjagaan gigi., Penggunaan bahan bantu mengajar yang bersesuaian amat penting kepada murid- murid pendidikan khas bagi memberi gambaran yang lebih jelas mengenai sesuatu konsep dan seterusnya meningkatkan lagi pemahaman mereka. Oleh yang demikian penggunaan PAP SMILES yang bersifat didik hibur, dan mengandungi pelbagai elemen sudah pastinya amat bersesuaian dalam meningkatkan penglibatan mereka dalam Program SMILES dan pengetahuan mereka mengenai amalan pergigian yang baik.

Kata Kunci: PAP SMILES (Panel Aktiviti Pergigian Sentiasa Menggosok Gigi Agar Lebih Sihat)

PENDAHULUAN

Kelab Doktor Muda Pendidikan Khas telah ditubuhkan pada tahun 2012 yang melibatkan murid- murid Pendidikan Khas seramai 8 orang. Penubuhan kelab ini adalah bertujuan untuk mendidik rakan sebaya dalam kalangan murid Pendidikan Khas ke arah amalan cara hidup yang lebih sihat. Ini termasuklah pendidikan mengenai amalan penjagaan gigi yang sihat. Program seumpama ini adalah amat sesuai dan sejajar dengan Program Bersepadu Sekolah Sihat (PBSS) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran dalam subjek Pengurusan Kehidupan . Menurut Modul Kelab Doktor Muda (2012) , gigi dan gusi perlu dikekalkan dalam

keadaan sihat sepanjang hayat untuk pengunyahan makanan dan pertuturan yang jelas. Oleh yang demikian adalah amat penting bagi murid- murid Pendidikan Khas diberi pendedahan mengenai kepentingan penjagaan gigi dan mulut . Oleh yang demikian Kelab Doktor Muda telah melaksanakan program intervensi “SMILE” yang melibatkan murid- murid pendidikan khas yang menghadapi masalah pergigian dalam usaha meningkatkan tahap kesihatan pergigian mereka. Namun begitu, usaha untuk menarik minat murid- murid Pendidikan Khas mendengar informasi berkaitan kesihatan pergigian ini memerlukan suatu medium yang dapat menarik tumpuan serta perhatian mereka semasa sesi bersama

Doktor Muda. Oleh yang demikian Kelab Doktor Muda telah mengambil inisiatif untuk merekacipta PAP SMILE bagi memberi informasi berkaitan secara santai dan bermakna melalui pendekatan belajar secara bermain. Panel PAP SMILE merupakan panel aktiviti yang dilengkapi dengan pelbagai bahan yang berkaitan dengan info- info berkaitan kesihatan pergigian yang bertujuan meningkatkan pengetahuan dan penglibatan murid- murid Pendidikan Khas dalam Program Intervensi SMILE berdasarkan bahan- bahan pengajaran yang telah disusun atur secara berstruktur dalam Modul SMILE menggunakan kaedah belajar sambil bermain. Menurut Dr. Choong Lean Keow (2008) menyatakan bahawa main merujuk kepada sesuatu aktiviti yang bermotivasi intrinsik serta menyeronokkan. Selain itu, penggunaan PAP SMILE bertujuan untuk meningkatkan keyakinan ahli Kelab Doktor Muda untuk menyampaikan info dan berkomunikasi dengan murid- murid Pendidikan Khas.

PENYATAAN MASALAH DAN OBJEKTIF KAJIAN / persoalan KAJIAN

Berdasarkan laporan daripada Klinik Pergigian pada tahun 2014 hingga 2015 menunjukkan Seramai 51 orang murid - murid khas telah menjalani pemeriksaan gigi dan didapati sebanyak 39.2% murid khas mengalami masalah karies gigi berbanding 36.8 % pada tahun sebelumnya. Peningkatan sebanyak 2.4% ini menyebabkan Kelab Doktor Muda mengambil inisiatif bagi mengatasi masalah ini dengan menjalankan pelbagai program berkaitan amalan kesihatan pergigian, antaranya ialah program intervensi SMILE yang bertujuan memberi pendedahan kepada murid- murid khas ini mengenai amalan kesihatan pergigian yang betul. Antara aktiviti yang dijalankan ilaha penyampaian info berkaitan kesihatan pergigian pada

setiap awal pagi hari Selasa dan Khamis sebelum sesi pembelajaran bermula pada pukul 7.20

pagi Namun begitu berdasarkan pemerhatian pengkaji semasa sesi penyampaian info berkaitan

pergigian berlangsung , didapati murid - murid Pendidikan Khas menghadapi masalah untuk memberi tumpuan dann tiada motivasi muh melibatkan diri dalam setiap aktiviti yang dijalankan dan lebih banyak mendiamkan diri sepanjang sesi dijalankan.Manakala ahli Kerlab Doktor Muda sendiri juga, sebahagian besarnya kelihatan kurang berkeyakinan dalam menyampaikan info kerana malu dan sukar berinteraksi dengan murid- murid pendidikan khas.

Objektif Kajian

Objektif penggunaan PAP SMILE ini adalah untuk :

- i. Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran murid mengenai kepentingan penjagaan gigi.
- ii. Meningkatkan tumpuan murid- murid khas semasa Doktor Muda memberi taklimat dan menggalakkan mereka melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti yang dijalankan.
- iii. Meningkatkan keyakinan ahli KDM dalam menyampaikan maklumat berkaitan amalan penjagaan gigi

METODOLOGI KAJIAN

Data telah dikumpulkan dalam dua kategori iaitu kualitatif dan kuantitatif, Data dalam kajian ini telah dikumpulkan menggunakan tiga kaedah iaitu borang soal- selidik, temu bual dan pemerhatian. Ketiga- tiga kaedah ini digunakan bagi mengaplikasikan kaedah triangulasi yang bertujuan meningkatkan keesahan dan kebolehpercayaan data yang dikumpulkan. Proses Triangulasi menggabungkan pelbagai teknik mengumpul data dan proses ini amat penting sekali untuk mengurangkan kebarangkalian atau peluang terjadinya bias (Ahamad, Bardul Hisham, Kartini & Rosli , Shabudin, 2011). Seramai 13 orang murid Pendidikan Khas yang telah dikenalpasti mengalami masalah karies gigi

oleh Klinik Pergigian dipilih untuk kajian ini. Kami telah membina PAP SMILES berdasarkan objektif kajian. Borang Soal Selidik Pra telah diedarkan kepada responden bagi mendapatkan data sebelum intervensi dijalankan.

Kami telah melaksanakan 20 kali sesi pengajaran dan pembelajaran berkaitan kesihatan pergigian dengan menggunakan PAP SMILES semasa intervensi berdasarkan modul yang telah kami bina. Setiap sesi dijalankan selama 20 minit setiap awal pagi hari Selasa dan Khamis. Semasa intervensi dijalankan kami juga telah melakukan pemerhatian dengan menggunakan borang soal-selidik yang disediakan.


Sepanjang penggunaan PAP SMILE dalam program intervensi SMILE , Buku Log

SMILE yang juga merupakan borang soal-selidik digunakan untuk merekodkan pencapaian murid- murid pendidikan berkaitan pengetahuan mereka mengenai kesihatan pergigian.

Borang soal- selidik mengenai tahap kepuasan pengguna terhadap penggunaan PAP SMILE sepanjang program intervensi juga digunakan bagi menilai panadangan ahli Kelab Doktor Muda dan murid- murid pendidikan khas. Sebagai usaha menggalakkan murid- murid pendidikan khas melibatkan diri dalam aktiviti kumpulan tanding PAP SMILE, rekod kumpulan tanding juga disediakan bagi meningkatkan penglibatan mereka melalui pengumpulan token berdasarkan penglibatan mereka dalam aktiviti penggunaan PAP SMILE.

Analisis Data

Persoalan kajian 1 : . Adakah penggunaan PAP SMILES dapat meningkatkan pengetahuan murid Pendidikan Khas mengenai kepentingan penjagaan gigi ?



*Rajah 1- Peningkatan pengetahuan mengenai amalan kesihatan pergigian
 (Sumber : Borang soal- selidik Keberkesanan PAP SMILES)*


Berdasarkan soal- selidik Pra dan Pasca (Rajah1) menunjukkan peningkatan pengetahuan murid – murid Pendidikan Khas mengenai kesihatan pegigian selepas intervensi melalui penggunaan PAP SMILE

(Rajah 2) sebagai bahan bantu belajar. Penggunaan PAP SMILE semasa sesi intervensi berjaya menarik minat serta tumpuan murid semasa sesi intervensi kerana melalui penggunaan pelbagai carta pergigian

(Rujuk Rajah 2) yang menarik serta kepelbagaiannya yang terdapat pada PAP SMILE menyebabkan murid – murid Pendidikan Khas lebih memberi tumpuan serta mahu melibatkan diri dalam aktiviti

kumpulan tanding yang dijalankan. Mereka juga tidak lagi malu untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh ahli- ahli KDM

KOMPONEN PAP SMILE



Rajah 2 : Komponen PAP SMILE

Persoalan kajian 2-Adakah penggunaan PAP SMILES dapat meningkatkan tumpuan serta

penglibatan aktif murid semasa aktiviti dijalankan ?

Jadual 1-Penggunaan PAP SMILES semasa intervensi dijalankan

Penyampaian info sebelum penggunaan PAP SMILES	Penyampaian info selepas penggunaan SMILES	Pemerhatian
		Hasil pemerhatian yang dilakukan semasa intervensi berdasarkan boring senarai semak menunjukkan murid- murid lebih aktif dan mahu melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan.

Penyelidik juga telah menjalankan sesi temubual bersama dengan murid- murid Pendidikan khas. Temubual ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai penggunaan PAP SMILES semasa sesi intervensi. Berikut adalah merupakan dapatan daripada temu bual yang dijalankan.

Dapatan temu bual:


- | | |
|---------------|--|
| Responden 1 : | Seronok..sebab boleh main jawab- jawab soalan |
| Responden 2 : | Best...sebab ada gambar gigi cantik |
| Responden 3 : | Suka..suka..kita suka main eja- eja |
| Responden 4 : | Saya suka.....sebab ada lampu |
| Responden 5 : | Seronok sangat sebab boleh tampal- tampal |
| Responden 6 : | Suka sangat...kakak-kakak tu baik...dia bagi saya berus gigi besar |

Hasil daripada temubual kami dengan murid-murid pendidikan khas, didapati kanak-kanak tersebut sangat seronok dapat menjawab soalan soalan kuiz, melibatkan diri dalam aktiviti kumpulan tanding dan lebih

cepat memahami isi pelajaran berkaitan kesihatan pergiliran yang disampaikan oleh ahli KDM melalui penggunaan carta- carta yang menarik.

Jadual 2-Penggunaan PAP SMILES membantu meningkatkan penglibatan murid- murid pendidikan khas dalam sesi intervensi

Item bahan	Penyampaian info menggunakan PAP SMILE	Pemerhatian
Carta PAP SMILES		Murid memberi tumpuan dan mahu menjawab soalan yang dikemukakan oleh ahli KDM
Model gigi PAP SMILES		Murid PPKI juga semakin berkeyakinan untuk melibatkan diri dalam aktiviti menggunakan PAP SMILE.
Kit kumpulan tanding		Murid PPKI melibatkan diri dalam aktiviti kumpulan tanding.




Rajah 3- Dapatan soal-selidik penggunaan PAP SMILE oleh murid- murir Pendidikan khas

Berdasarkan soal- selidik penggunaan PAP SMILE oleh murid- murid pendidikan khas, 100% bersetuju bahawa aktiviti PAP SMILE amat menarik dan mereka suka mengikuti aktiviti kumpulan tanding PAP SMILES. Manakala 80% bersetuju bahawa PAP SMILE dapat membantu mereka memahami pelajaran yang

disampaikan oleh ahli KDM . PAP SMILE juga membantu mereka menambah pengetahuan mengenai kesihatan pergilian. Lebih 80% murid- murid pendidikan khas juga bersetuju bahawa PAP SMILE amat menarik, mudah digunakan , ada pelbagai info gigi yang menarik serta dapat meningkatkan interaksi mereka dengan ahli Kelab Doktor Muda.

Persoalan kajian 3: . Adakah penggunaan PAP SMILES dapat meningkatkan keyakinan ahli KDM dalam menyampaikan maklumat berkaitan amalan penjagaan gigi ?



Rajah 3: Dapatan soal-selidik penggunaan PAP SMILE

Dapatan kajian menunjukkan semua ahli-ahli KDM bersetuju bahawa PAP SMILES amat membantu meningkatkan keyakinan diri mereka dalam menyampaikan informasi berkaitan kesihatan pergigian kepada murid-murid pendidikan khas . Penggunaan PAP SMILE juga secara tidak langsung telah berjaya meningkatkan interaksi lisan antara murid- murid pendidikan khas dengan ahli Kelab Doktor Muda melalui pelaksanaan aktiviti kumpulan tanding dan sesi soal-jawab. Ini sudah pastinya memberi impak yang amat besar kepada kemenjadian murid-murid khas agar lebih yakin untuk bergaul dengan masyarakat.

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Aktiviti pembelajaran menggunakan PAP SMILE didapati berupaya untuk meningkatkan penglibatan aktif murid- murid pendidikan khas dalam sesi intervensi bersama ahli KDM, secara tidak langsung ianya dapat meningkatkan interaksi sosial antara murid- murid pendidikan khas dengan murid arus perdana. PAP SMILE juga diletakkan di bilik Doktor Muda Pendidikan Khas yang memudahkan murid- murid pendidikan khas menggunakanannya semasa waktu lapang, ini memberi peluang kepada mereka untuk belajar secara kendiri. Penggunaan secara berterusan ini sudah pastinya dapat membantu murid- murid ini menjadi lebih yakin kepada kebolehan sendiri dan meningkatkan pengetahuan mereka mengenai amalan penjagaan kesihatan gigi yang baik dan seterusnya mengatasi masalah kerosakan gigi. Menurut Jamila (2005), pengajaran bagi Pendidikan khas dirancang secara tersendiri, dilaksanakan secara teratur serta dinilai keberkesanannya secara teliti bagi membantu murid dengan keperluan khas mencapai tahap berdikari tinggi dan kejayaan hidup yang memuaskan.

Penggunaan carta- carta , bola , kad , model gigi dan lampu yang terdapat pada PAP SMILE berupaya untuk merangsang deria kanak- kanak pendidikan khas serta meningkatkan kemahiran motor halus, motor kasar , pengamatan dan koordinasi mata serta

tangan kanak- kanak pendidikan khas semasa melakukan aktiviti kumpulan tanding. Dapatan ini setara dengan pendapat yang dikemukakan oleh Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir (2003) , penggunaan pelbagai media dalam proses penyampaian maklumat mampu merangsangkan minda pelajar di samping ia tidak membosankan. Pengetahuan murid- murid pendidikan khas mengenai info berkaitan kesihatan pergigian dapat ditingkatkan secara tidak langsung melalui aktiviti kumpulan tanding PAP SMILE yang berunsurkan konsep belajar sambil bermain yang yang merupakan proses pembelajaran secara tidak formal tetapi berstruktur, terancang dan mempunyai tujuan berdasarkan penulisan Azizah dan Zainun (1999) .

Penggunaan pelbagai carta kesihatan pergigian PAP SMILE yang menarik serta berinformasi juga dapat meningkatkan pengamatan penglihatan serta tumpuan murid- murid khas tersebut. Menurut Khairuddin Mohamad (2011) murid juga perlu diberikan sebanyak mungkin latihan pengamatan penglihatan kerana cara ini boleh membantu mereka untuk mengingat secara kekal dan lama.

Pengkaji bercadang mempelbagaikan lagi kegunaan PAP SMILE agar ianya juga dapat digunakan dalam mata pelajaran lain untuk murid- murid pendidikan khas kerana kepelbagaian bahan pada PAP SMILE membolehkan guru mempelbagaikan aktiviti kumpulan tanding yang berupaya untuk menarik minat, tumpuan serta kesediaan murid untuk belajar dalam suasana yang lebih santai dan menyeronokkan berdasarkan konsep belajar sambil bermain.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya , penggunaan PAP SMILE dapat memberi kesan yang positif kepada penjagaan gigi oleh murid- murid Pendidikan Khas yang seterusnya berupaya untuk mengatasi masalah peningkatan karies gigi dalam kalangan murid- murid pendidikan khas melalui penyebaran maklumat berkaitan kesihatan pergigian menggunakan bahan-bahan yang menarik serta pelbagai aktiviti pengajaran yang menyeronokkan

.Penggunaan PAP SMILE ini boleh diperluaskan kepada aktiviti- aktiviti lain kerana ianya memberi impak kepada kemenjadian murid- murid pendidikan khas serta meningkatkan keyakinan diri ahli kelab Doktor Muda dalam mengendalikan program intervensi SMILE.

RUJUKAN

- Azizah Lebai Nordin, Zainun Ishak.(1999) .
Pendidikan Prasekolah Untuk Guru
. Kuala Lumpur : Utusan Publications &
Distributions Sdn.Bhd
- Choong Lean Keow PhD. (2008) . *Murid
Dan Alam Belajar.* Kumpulan Budiman
Sdn.Bhd.Kuala Lumpur.
- Jamila K.A Mohamed. (2005). *Pendidikan
Khas Untuk Kanak-kanak Istimewa.*
PTS Publication & Distributor Sdn.Bhd:
Pahang
- Jamaluddin Harun & Zaidatun Tasir,(2003).
Multimedia Dalam Pendidikan. PTS
Publication: Selangor
- Khairuddin Mohamad, (2011) *SiriPendidikan
Guru, Literasi Bahasa Melayu.*Kuala
Lumpur : Oxford Fajar Sdn.Bhd.
- Kurikulum Standard Sekolah Rendah
Pendidikan Khas MasalahPembelajaran
(2013) *Pengurusan KehidupanTahun 3.*
Putrajaya: Bahagian Pembangunan
Kurikulum
- Kurikulum Standard Sekolah Rendah
Pendidikan Khas MasalahPembelajaran.
(2013) *Pengurusan KehidupanTahun 4*
. Putrajaya: Bahagian Pembangunan
Kurikulum
- Modul Kelab Doktor Muda Pendidikan Khas
, (2015). Kuala Lumpur: Kementerian
Kesihatan Malaysia
- Modul Kelab Doktor Muda SekolahRendah ,
(2013). Kuala Lumpur: Kementerian
Kesihatan Malaysia
- Modul Kelab Doktor Muda Sekolah
Menengah , (2014). Kuala Lumpur:
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Modul Latihan Program Bersepadu Sekolah
Sihat . (1999) . Kuala Lumpur.
Kementerian Kesihatan Malaysia